



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
JABATAN MUZIUM MALAYSIA

TEKS UCAPAN

YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA

SEMPENA

MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN BIL 3/2026
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

15 JULAI 2026 (RABU)

10.00 PAGI

AUDITORIUM JABATAN MUZIUM MALAYSIA

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI

SALUTASI

*(*akan disediakan secara berasingan)*

PENGENALAN

1. Terima kasih kepada semua kerana sudi hadir ke **Majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian Perpaduan Negara Bilangan 3, bagi tahun 2026.**
2. Sekalung penghargaan juga kepada Jabatan Muzium Malaysia yang memastikan penganjuran majlis pada pagi ini berjalan dengan lancar dan sempurna.
3. Dalam tempoh dua bulan yang lalu, iaitu Mei dan Jun, pelbagai program utama kementerian telah berjaya dilaksanakan dengan baik. Tahniah dan syabas diucapkan atas komitmen, dedikasi serta kesungguhan seluruh warga kementerian dan agensi dalam **memperkasa naratif pembinaan negara bangsa**. Antara program utama yang telah dilaksanakan termasuk:
 - I. Sambutan Minggu Perpaduan,
 - II. Festival Hari Muzium Antarabangsa,
 - III. Dialog Harmoni Kebangsaan,
 - IV. Majlis Mengenang Tun Fuad Stephens,

- V. Misi Sukarelawan Siswa ke Melaka dan Perlis,
- VI. Persidangan Southeast Asia Pacific Audiovisual Archives Association ke-30,
- VII. Kenduri Rakyat MADANI,
- VIII. Arkib Komuniti Peringkat Kebangsaan,
- IX. Konvensyen Sejarah Nasional,
- X. Pameran The Great Inca Empire serta
- XI. Jelajah Belia Rukun Negara Kebangsaan.

4. Saya amat berpuas hati dengan usaha publisiti dan promosi yang telah dilaksanakan sepanjang **Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Kebangsaan 2026 yang berjaya merekodkan kehadiran seramai 284,448 pengunjung, iaitu jumlah tertinggi sejak penganjuran pada tahun 2023.**

5. Pelaksanaan promosi yang menyeluruh dan strategik merentasi platform media perdana serta media digital telah memberikan impak yang amat memberangsangkan. Saya turut dimaklumkan bahawa pelbagai kerjasama strategik berjaya diwujudkan, termasuk:

- I. pelaksanaan khidmat SMS blasting secara percuma melalui CelcomDigi,
- II. pengumuman dalam penerbangan buat julung kalinya hasil kerjasama dengan Malaysia Airlines dan AirAsia,

- III. promosi di Kuala Lumpur International Airport dan Kota Kinabalu International Airport.
- IV. Ground activation di platform - platform kereta api Sabah,
- V. persembahan dron melibatkan 200 dron yang ditaja sepenuhnya,
- VI. program flash mob di Kuala Lumpur dengan kerjasama MRT yang berjaya mencetuskan fenomena tular di media sosial.

6. **Tahniah diucapkan kepada Unit Komunikasi Korporat Kementerian Perpaduan Negara atas usaha luar biasa dalam melaksanakan strategi komunikasi serta promosi yang berkesan.** Penghargaan yang sama turut diberikan kepada **Bahagian Kolaborasi Strategik selaku sekretariat utama penganjuran, serta seluruh agensi di bawah Kementerian Perpaduan Negara yang telah bertungkus-lumus memastikan kejayaan penganjuran program ini.**

7. Tahun depan penganjuran Sambutan Minggu Perpaduan hanya tertumpu kepada penganjuran peringkat kebangsaan sahaja selama seminggu di Lembah Klang atau Negeri Selangor.

GERAN PADANAN MUZIUM

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

8. Memandangkan perhimpunan bulanan hari ini adalah di Jabatan Muzium Malaysia maka saya akan menyentuh beberapa perkara berhubung pemerkasaan muzium.
9. Kita sedia maklum bahawa Kerajaan MADANI telah menyediakan peruntukan sebanyak RM5 juta bagi **Geran Padanan Muzium (GPM) 2026** yang menyokong usaha meremajakan dan memodenkan sektor permuziuman serta warisan negara. Tumpuan utama geran ini adalah kepada projek pembangunan dan penaiktarafan muzium, pemodenan serta pendigitalan termasuk penggunaan teknologi kecerdasan buatan (AI).
10. Sudah tentu program, festival dan aktiviti awam memainkan peranan penting dalam menarik masyarakat untuk mengunjungi muzium dan menghargai warisan negara. Namun, **saya berharap Geran Padanan Muzium ini dimanfaatkan sebaik mungkin untuk membina kerjasama strategik yang lebih luas antara institusi permuziuman dengan syarikat berkaitan kerajaan (GLC), sektor swasta serta komuniti korporat.** Seperti yang pernah dicadangkan oleh Menteri Kewangan Kedua,

pendekatan perkongsian awam-swasta perlu diperkukuhkan agar usaha pemuliharaan dan pembangunan warisan negara tidak hanya bergantung kepada dana kerajaan semata-mata.

11. Di negara-negara maju seperti United Kingdom, model kerjasama korporat dengan muzium telah lama diamalkan, termasuk penubuhan ruang pembelajaran digital seperti Samsung Digital Discovery Centre hasil kerjasama antara Samsung dan The British Museum.
12. Model seperti ini wajar diterokai di Malaysia supaya lebih banyak syarikat tampil sebagai rakan strategik dalam memelihara dan memartabatkan warisan negara untuk generasi akan datang.

KEMPEN DERMA KOLEKSI DAN DAFTAR KOLEKSI KEBANGSAAN

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

13. Kementerian Perpaduan Negara juga komited dalam usaha memperkukuh pemeliharaan dan pemuliharaan warisan negara untuk generasi masa hadapan.
14. Sehubungan itu, saya menyeru agar Jabatan Muzium Malaysia **mempergiatkan pelaksanaan Kempen Derma**

Koleksi secara besar-besaran di seluruh negara bagi menggalakkan masyarakat menyumbang artifak, dokumen, gambar, manuskrip dan bahan bersejarah yang mempunyai nilai warisan untuk dipelihara. Usaha ini boleh digerakkan bersama-sama dengan inisiatif Arkib Komuniti yang mempunyai tujuan yang sama.

15. Saya dimaklumkan bahawa Program Kempen Derma Koleksi yang dilaksanakan oleh Jabatan Muzium Malaysia pada **tahun ini telah berjaya memperoleh sebanyak 109 koleksi yang disumbangkan oleh masyarakat awam.** Sumbangan ini sekali gus menjadikan **jumlah keseluruhan koleksi di bawah Jabatan Muzium Malaysia kini mencecah 437,242 koleksi.**
16. Bagi mewujudkan ekosistem permuziuman yang lebih sistematik dan berdaya saing, negara memerlukan data yang menyeluruh, standard dan bersepadu. Oleh itu, saya berharap Jabatan Muzium Malaysia dapat menerajui usaha mewujudkan **Pangkalan Data Nasional Koleksi Artifak Kebangsaan yang menghimpunkan maklumat koleksi daripada muzium di seluruh negara.**
17. Saya mencadangkan agar Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia

mengadakan sesi libat urus bersama semua 232 muzium di bawah agensi Persekutuan, kerajaan negeri, universiti serta sektor swasta bagi merealisasikan inisiatif ini.

18. Usaha seperti ini telah lama dilaksanakan di beberapa negara maju. **Sebagai contoh, Norway dan Sweden telah membangunkan *DigitaltMuseum* yang menghubungkan ratusan muzium dan berjaya mendigitalkan jutaan koleksi untuk tujuan penyelidikan, pendidikan dan akses awam.**

PENYEMARAKKAN SEJARAH DAN BUDAYA DALAM KALANGAN MASYARAKAT

Hadirin yang saya hormati sekalian,

19. Kementerian melalui Jabatan Muzium Malaysia juga komited dalam melaksanakan usaha-usaha penyemarakkan sejarah dan budaya dalam kalangan masyarakat sebagai sebahagian daripada agenda perpaduan dan pengukuhan identiti nasional bangsa.
20. Pada tahun ini sebanyak **126 program telah dirangka oleh Jabatan Muzium Malaysia** dan antaranya adalah **Citra Nusa, Fiesta Uniti, Bicara@Muzium** serta pameran-pameran yang dilaksanakan sepanjang tahun.

Sehingga Mei 2026, sebanyak 766,939 pelawat ke muzium-muzium di bawah JMM telah direkodkan, sekaligus mencerminkan sambutan positif masyarakat terhadap usaha penyemarakkan sejarah dan budaya negara.

21. Antara program utama berimpak tinggi yang akan dilaksanakan dalam masa terdekat ini ialah **Magis Belantara dan Program Bermalam Bersama Pelajar** pada bulan Ogos, diikuti **Program Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium (IPIM)** pada bulan September.
22. Saya turut dimaklumkan bahawa jumlah keseluruhan **pameran sementara yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Muzium Malaysia sepanjang tahun 2023, 2024 dan 2025 adalah sebanyak 41 pameran.**
23. Pameran sementara ini amat penting kerana di sebalik galeri pameran sedia ada, **terdapat ratusan ribu koleksi artifak dan bahan warisan yang disimpan di dalam stor serta repositori muzium yang tidak dipamerkan kepada umum.** Sedangkan setiap koleksi tersebut mempunyai nilai sejarah, budaya dan pendidikan yang amat tinggi serta menyimpan kisah penting dalam pembinaan tamadun dan identiti negara.

24. Oleh itu, Jabatan Muzium Malaysia perlu terus memperbanyak penganjuran pameran sementara yang kreatif, relevan dan menarik bagi mengetengahkan khazanah negara yang selama ini tersimpan daripada pandangan umum. Saya juga mohon agar **KP JMM bentangkan perancangan pameran – pameran yang akan dilakukan tahun in dan tahun hadapan dalam Mesyuarat Pasca Kabinet akan datang.**
25. Kesemua program dan inisiatif yang dilaksanakan oleh kementerian dan agensi perlu dihebahkan secara meluas kepada masyarakat supaya manfaatnya dapat dirasakan oleh semua lapisan rakyat. **Kita perlu mengelakkan budaya penyertaan yang terhad kepada kumpulan tertentu semata-mata tanpa membuka ruang yang lebih luas kepada penyertaan orang awam.**
26. Sehubungan itu, saya menyeru agar **Jabatan Muzium Malaysia memperkukuh strategi promosi dan komunikasi dengan pendekatan yang lebih mesra generasi muda, menggunakan kandungan yang segar, kreatif dan mudah didekati oleh masyarakat.**

PENDIGITALAN MUZIUM

Hadirin yang saya muliakan sekalian,

27. Pendigitalan muzium merupakan satu keperluan dan bukan lagi satu pilihan dalam era digital masa kini. Justeru, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jabatan Muzium Malaysia atas kejayaan melaksanakan beberapa projek pendigitalan utama pada tahun lalu, termasuk **pembangunan Ekosistem Jaringan Digital Jabatan Muzium Malaysia, pembangunan Koleksi Digital Artifak Warisan Negara serta pembangunan Pameran Maya Muzium Alam Semula Jadi.**
28. Momentum transformasi ini akan diteruskan pada tahun ini melalui beberapa inisiatif strategik baharu. Antaranya ialah **pembangunan kandungan imersif di Muzium Negara** melalui penghasilan pameran interaktif berasaskan teknologi realiti maya (VR) dan realiti terimbuh (AR). Selain itu, **pembangunan Pameran Digital Muzium Arkeologi Lembah Bujang** turut akan dilaksanakan melalui pembangunan platform pameran secara maya bagi mempamerkan warisan dan artifak berharga yang terdapat di muzium tersebut kepada masyarakat.

PELANCARAN PELAN STRATEGIK DAN PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN

Hadirin yang saya muliakan sekalian,

29. Pada hari ini juga, kita akan melancarkan **dua pelan strategik** Kementerian Perpaduan Negara sebagai panduan bagi tempoh 5 tahun akan datang.

30. Pertama, **Pelan Strategik Kementerian Perpaduan Negara 2026–2030**, yang merupakan kesinambungan kepada Pelan Strategik 2021–2025 dan menjadi dokumen rujukan utama dalam menetapkan hala tuju dasar dan strategik kementerian.

31. Pelan ini digubal berlandaskan aspirasi untuk **memperkasakan nilai kebangsaan, memperkukuh tapak integrasi sosial serta melestarikan khazanah warisan sebagai tunjang pembinaan negara bangsa**. Bagi merealisasikan aspirasi tersebut, pelan ini memberi tumpuan kepada lima teras strategik utama, iaitu:

- I. Patriotisme and Demokrasi;**
- II. Pembinaan Negara Bangsa;**
- III. Ekosistem Perpaduan;**
- IV. Transformasi Digital Perpaduan; dan**
- V. Tadbir Urus Organisasi dan Komunikasi.**

32. Keseluruhannya, **pelan ini merangkumi 12 strategi dan 33 inisiatif** yang akan dilaksanakan secara berfasa sepanjang tempoh 2026 hingga 2030. Pelan Strategik KPN 2026–2030 telah disusun selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI, dan mandat Kementerian di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13) iaitu pembinaan negara bangsa sebagai asas kepada pembentukan perpaduan negara yang mampan.
33. Sebagai pembaharuan, pelan ini turut memperkenalkan pendekatan pemantauan yang lebih sistematik melalui **Rubrik Penilaian Impak Polisi (PIP)**. Rubrik ini akan menjadi instrumen utama untuk memantau pelaksanaan Pelan Operasi serta mengukur tahap pencapaian setiap teras, strategi dan inisiatif secara lebih berkesan, sekali gus memastikan setiap tindakan yang dilaksanakan memberi impak yang jelas kepada agenda pembinaan negara bangsa dan perpaduan nasional.
34. Kedua, **Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) Kementerian Perpaduan Negara 2026–2030**. Pelan ini merupakan dokumen perancangan strategik yang dibangunkan bagi menyokong agenda transformasi digital. PSP ini menggariskan pelbagai program, projek dan inisiatif pendigitalan yang selaras dengan keperluan organisasi,

perkembangan teknologi semasa. Pelan ini berteraskan tiga fokus utama, iaitu:

- I. **Pemeriksaan Ekosistem Penyampaian Perkhidmatan Digital Bersepadu;**
- II. **Pengukuhan Infrastruktur Digital Berasaskan Teknologi Terkini dan Selamat; dan**
- III. **Pengukuhan Tadbir Urus Digital serta Pemeriksaan Keupayaan ICT.**

35. Bagi merealisasikan hasrat tersebut, PSP KPN 2026–2030 merangkumi **7 strategi, 21 program dan 55 subprogram** yang akan dilaksanakan secara berfasa sepanjang tempoh pelan ini.

PENUTUP

Hadirin yang saya hormati sekalian,

36. Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga Kementerian, Jabatan dan Agensi serta warga Kementerian atas komitmen, dedikasi serta kerjasama yang telah diberikan dalam memastikan setiap dasar, program dan inisiatif Kementerian dapat dilaksanakan dengan jayanya.

37. Semoga segala usaha dan komitmen yang kita curahkan akan terus menyumbang kepada keharmonian, kestabilan dan kesejahteraan negara.

Sekian, terima kasih.